

Guru berpolitik masih dikaji

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan belum meluluskan cadangan membenarkan guru kumpulan A bergiat cergas dalam politik kerana ia masih di peringkat kajian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menyemak dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung perkara itu.

Setakat ini, katanya, perkara itu masih di peringkat kajian.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau pameran mengenai Negara-negara G15 serta melancarkan buku *Malaysia: Land of Eternal Summer* di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau memang membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini tetapi keputusan belum dibuat.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib di Johor Bahru semalam bahawa kerajaan menarik balik sekatan terhadap guru gred A untuk bergiat cergas dalam politik, termasuk memegang jawatan dalam parti.

Najib dilaporkan berkata keputusan itu dibuat setelah mengambil kira penyertaan guru gred A akan mengukuhkan kepemimpinan politik peringkat akar umbi.

Menurut Perdana Menteri, beliau perlu menyemak perkara itu dengan JPA kerana sehingga kini perkara itu belum diputuskan lagi.

"Saya sendiri tak dapat lagi keputusannya. Walaupun saya sebut perkara ini dalam Kabinet, barangkali Datuk Najib tak *check* betul dengan apa yang saya kata," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, punca kepemimpinan di luar bandar amat terhad kerana tidak adanya penyertaan guru sehingga mereka yang tidak mempunyai kelulusan tinggi, memegang jawatan ketua cawangan atau bahagian.

Mengenai cadangan MCA dan Gerakan supaya Umno membuka keahlian kepada bukan Bumiputera, be-

LIHAT MUKA 2

Konsep gabungan beri kuasa kepada parti

DARI MUKA 1

liau berkata perkara berkenaan belum boleh dilaksanakan sekarang kerana sistem perkongsian kuasa dianggap lebih berkesan.

Lagi pun, katanya, semua kaum masih belum yakin kepentingan mereka dapat dipertahankan dalam satu parti yang tidak mengambil kira soal kaum.

"Sebab itu kita masih guna sistem coalition (gabungan) kerana dalam sistem ini, semua parti berasaskan kaum mempunyai suara tertentu. Jadi ia tidak boleh ditinggalkan semata-mata kerana bilangannya kurang.

"Umpamanya orang India cuma 10 peratus saja, mungkin dalam pemilihan pemimpin sebuah parti yang tidak mengambil kira kaum, tak ada langsung orang India yang menjadi pemimpin. Jadi ini akan menimbulkan perasaan tidak begitu selamat di kalangan mereka.

"Sebab itu kita lebih suka waktu ini menggunakan konsep coalition (gabungan) kerana ia memberi kuasa kepada parti-parti yang mewakili kaum tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata kemungkinan satu hari nanti apabila semua kaum merasa mereka sudah sehati serta betul-betul menganggap sebagai rakyat Malaysia, barulah musah perkara itu dilaksanakan.

Menurut beliau, selagi sikap dan perasaan sedemikian tidak wujud, sukar untuk mewujudkan satu parti yang menggabungkan semua kaum.